

Jumlah 2 No. 13
No. 15

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN

KERAJAAN BRUNEI
DUA KALI

SABULAN 1 October, 15 August, 1957.

PERLEMBAGA'AN NEGERI BRUNEI YANG BAHARU

SIARAN ini ia-lah satu Peristiharan yang dibenarkan dan dikeluarkan oleh Pemangku2 Al-Sultan, Yang teramat Mulia Seri Peduka Duli Pengeran Bendahara S.P.M.B.; P.O.A.S., dan Yang Berhormat Mulia Tuan Chief Kadzi Brunei S.P.M.B.; P.O.A.S. atas nama dan perintah daripada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin D.K.; S.P.M.B.; K.C.M.G. seperti berikut:-

Chadangan2 yang mana ada terkandung di dalam rang undang2 Perlembaga'an ia lah keputusan daripada beberapa pertimbangan diantara Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan Kerajaan British dalam masa beberapa tahun yang lalu. Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan berhajat hendak menerangkan bahawa ini ia-lah chadangan2-nya yang berdasarkan diatas sokongan2 dari Jawatan Kuasa Perlembaga'an yang telah di-adakan pada tahun 1953 dan Baginda bersedia mendengar kepada Penasehat2-nya serta fikiran dari ra'yat-nya dan jika Baginda memikirkan patut maka ia bersedia membentangkan lebih lanjut pinda'an2 yang ditugaskan kepada Pesuruh Jaya Tinggi bagi pertimbangan dari Setia Usaha Tanah Jajahan.

Duli Yang Maha Mulia telahpun berunding tentang perkara lantekkan sa-orang Menteri Besar, Setia Usaha Kerajaan dan Pegawai Kewangan Negeri dengan Pesuruh Jaya Tinggi, dengan tujuan untuk mengirimi kepada Setia Usaha Tanah Jajahan bagi sokongan bahawa lantekkan2 ini ialah ranchangan yang telah di-chadangkan oleh jawatan Kuasa Perlembaga'an sesudah berunding dengan ra'yat negara pada tahun 1953 patut di lakukan dengan seberapa segera sesudah Perlembaga'an berjalan kuat kuasa-nya.

Duli Yang Maha Mulia selanjut-nya suka hendak menerangkan maksud-nya bahawa pilihan bagi Ahli Majlis Mashuarat Da'erah akan diadakan dengan sechara undi rahasia dan Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri yang di pilih akan di pilih terus oleh Majlis Mashuarat Da'erah daripada beberapa Ahli2 mereka.

Waktu-nya Perlembaga'an ini boleh di jalankan adalah bergantung diatas beberapa pinda'an yang akan di timbangkan oleh

Setia Usaha Tanah Jajahan dan chara2 pinda'an ini. Akan tetapi Duli Yang Maha Mulia dengan penuh harapan bahawa Perlembaga'an ini boleh di-jalankan pada tahun 1958.

Undang2 ~~mengganti~~ Peraja'an dan Pemangku Raja telah juga di-bawa ka-Majlis Mesyuarat Negeri untuk kebenaran. Maka ada-lah di-harap tidak berapa lama^{lagi} akan di-adakan perhubungan dengan Keraja'an Baginda Queen bagi suatu perjanjian yang meliputi perlindungan dan pertahanan bagi Negeri Brunei.

UPACHARA SAMBUTAN HARI KEPUTERA'AN DYMM AL-SULTAN

DI-BANDAR BRUNEI

Para penduduk dari berbagai2 bangsa di-Bandar Brunei telah menyambut Hari Keputera'an Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Kali Yang Ka-Empat Puloh Satu dengan mengadakan sambutan2 ~~se~~sechara besaran yang lebeh meriah dan gumbira daripada sambutan2 pada tahun2 yang lalu.

Upachara sambutan Hari Keputera'an Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Bandar Brunei di-mulai daripada hari Sabtu 21 haribulan September dan di-teruskan hingga ka-malam hari Thaltha 24 haribulan September dengan mengadakan upachara menyampaikan hadiah kepada pemenang2 dalam berbagai2 peraduan oleh Pemangku Al-Sultan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara S.P.M.B., P.O.A.S. di-atas pentas Malam Anika Warna di-Padang Pekan Brunei.

Istiadat Berbaris menyambut Hari Keputera'an Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah di-langsungkan di-Jalan Elizabeth Yang Kedua, berhadapan dengan bangunan Pejabat2 Keraja'an pada pagi hari Ithnin 23 haribulan September, dalam mana Pasokan2 Police, Pengakap, Pemandu Perempuan, Palang Merah, Custom dan Marine serta lain2-nya telah mengambil bahagian.

Sa-orang daripada Pemangku2 Al-Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara S.P.M.B., P.O.A.S. dan Tuan British Resident Brunei, Yang Berhormat Mr. J.O.Gilbert telah meng-hadziri di-istiadat di-Bandar Brunei; manakala lagi sa-orang dari-pada Pemangku2 Al-Sultan, Yang Berhormat Mulia Pengiran Haji Mohame Salleh, S.P.M.B., P.O.A.S. dan Tuan Penolong Resident Kuala Belait, G.L.Thomas telah menghadziri di-istiadat Hari Keputera'an Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang telah di-langsungkan di-Padang Kuala Belait pada pagi hari itu juga.

Pada masa.....

Pada masa di-jalankan istiadat Berbaris menyambut Hari Keputera'an Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-Bandar Brunei, Pemangku Al-Sultan Yang Teramat Mulia Seri Peduka Duli Pengiran Bendahara telah menyampaikan Pingat2 yang telah di-anugerahkan oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan kepada 15 orang seperti berikut:-

PINGAT SULTAN OMAR ALI SAIFUDDIN

DARJAT YANG KA-DUA

Pengiran Matassim bin Pengiran Omarali, Pengiran Haji Buntar bin Pengiran Mohamed Ja'far, Pehin Perdana Indera Haji Zainal bin AbdulRahman, Pehin Penyurat Haji Hashim bin Salleh, Pehin Khatib Haji Ali Hussain bin Khatib Mohamed dan Pehin Khatib Haji Metali bin Mat Yassin.

PINGAT PERKHIDMATAN LAMA BRUNEI

Che' Sahari bin Mohamed Sa'id, Che' Hanafiah bin Abdullah, Haji Abdul Hamid bin Wahid, Mr. Wong Ah Chee, Che' Duraman bin Serudin, Pengiran Tengah bin Pengiran Matseruddin, Che' Yussop bin Ali Akbar dan Che' Mohamed Yassin bin Mohamed Yussof.

PINGAT POLICE NEGERI BRUNEI

Corporal Nombor 70, Pengiran Damit bin Pengiran Jambol yang pada masa ini berkhidmat dengan Pasokan Police Negeri Brunei di-Seria.

Sa-orang lagi Pemangku Al-Sultan, Yang Berhormat Mulia Pengiran Haji Mohamed Salleh, telah menyampaikan Pingat2 Perkhidmatan Lama Negeri Brunei kepada beliau2 seperti berikut pada masa di-langsungkan istiadat Berbaris kerana menyambut Hari Keputera'an Maulana Al-Sultan di-Kuala Belait:

Pegawai Daerah Seria, Che' Abdul Ghani bin Hassan; Pengawas Sekolah2 Melayu, Daerah Kuala Belait, Pengiran Jaidi bin Pengiran Nasaruddin; Guru Besar Sekolah Melayu Labi, Che'gu Bol Hasan bin Dato' Petinggi; dan Guru Besar Sekolah Melayu Sungai Liang, Che'gu Bol Hasan bin Abdul Ghafar.

Perlu juga di-nyatakan bahawa para penduduk di-Bandar Brunei dan dari lain2 Daerah yang datang ka-Bandar Brunei telah berolehi riang dan gumbira pada masa di-langsungkan upacara2 Sambutan Hari Keputera'an Baginda baharu2 ini.

Berlebeh2 lagi temasha2 yang telah di-langsungkan di-Bandar Brunei pada masa tersebut telah mendapat sambutan yang baik bukan sahaja daripada para peserta dalam berbagai2 peraduan yang telah di-langsungkan, bahkan daripada orang2 yang menyaksikan-nya,

saperti Sandiwara.....

yang
saperti Sandiwara Sejarah Negeri Brunei/bertajok "Mahkota Yang Berdarah" yang di-persembahkan oleh Persekutuan Murid2 Tua Brunei di-temasha Malam Anika Warna di-Padang Pekan Brunei pada malam 23 haribulan September; Peraduan Akhir Silat dan Kuntau Sa-Negeri Brunei; Peraduan2 membacha Sajak, Menyanyi, Menari, Jenaka, Pakaian Beragam; Perarakan2 Bertanglong, Kereta2 Berhias, Perarakan di-Kampong Ayer; Pertunjokkan Bubu Menari; Ronggeng; Wayang China; Wayang Gambar dari Jabatan Penerangan; Sukan2 Darat dan Laut; Temasha Tari Menari dan Peraduan Pakaian Beragam di-Brunei Sports Club; Pertunjokkan Tanam2an Sa-Negeri Brunei; Pertunjokkan Lukisan Sa-Negeri Brunei dan lain2-nya.

X UCHAPAN TAHNIAH KAPADA DULI YANG MAHA MULIA

OLAH KERAJA'AN DAN PENDUDOK2 BRUNEI

Berhubung dengan Hari Keputera'an Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Kali Yang Ka-Empat Puloh Satu, maka Tuan British Resident Brunei, Yang Berhormat Mr.J.O.Gilbert telah mengirim sa-puchok kawat kepada Duli Yang Maha Mulia di-London. Kawat itu berbunyi saperti berikut:

" Kerajaan dan pendudok2 Negeri Brunei mengucapkan sa-tinggi tahniah kapada Duli Yang Maha Mulia berhubung dengan Hari Keputera'an Duli Yang Maha Mulia Kali Yang Ka-Empat Puloh Satu dan berdo'a sa-moga Usia Baginda di-lanjutkan dengan beroleh kema'moran ".

X JAWAPAN DARIPADA DYMM

Menurut satu kawat yang di-terima oleh Yang Berhormat Tuan British Resident Brunei daripada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan sendiri dari London Baginda menyatakan:

" Sambut-lah ucapan terima kaseh daripada Saya atas penghargaan'an daripada Kerajaan dan pendudok2 Negeri Brunei yang telah menyatakan ucapan tahniah yang sangat di-hargai oleh Saya berhubung dengan Hari Keputera'an Saya Kali Yang Ka-Empat Puloh Satu ".

Keputusan peraduan² pada masa menyambut Hari Keputera'an Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan ada-lah seperti berikut:-

Perarakan Bertanglong

Sekolah2: (1) Sultan Omar Ali Saifuddin College, (2) Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamal-ul-Alam, (3) Chung Hwa Middle School.

Kampung2: (1) Kampung Pekan Lama, (2) Kampung Bakut Berumput,
(3) Kampung Lorong Sekuna.

Perarakan Kereta2 Berhias

Di-Darat: (1) P.W.D.Workshops, (2) Jabatan Custom dan Marine,
(3) Jabatan Municipal.

Di-Laut: (1) Jabatan Municipal, (2) Kampong Sabah Ujong,
(3) Kampong Pekan Lama.

Peraduan Berchuchol Rumah2

Lampu2 Minyak Gas: (1) Haji Ahmad bin Pehin Laksemana Othman
Kampung Ujong Bukit, (2) Awang Taib bin Pehin Jawatan Dalam, Kampung
Sungai Kedayan, (3) Haji Md. Tahir bin Haji Bakar, Kampung Sungai
Kedayan.

Lampu2 Elektrik: (1) Md.Hussain bin Taram, Kampong Sultan Lama, (2) Abdul Rahman Serudin, Kampong Sumbiling, (3) Md.Yusof Taram, Kampong Pandai Besi.

Berchuchol Anatara Sharikat2 Perniaga'an Yang Terbaik Sekali

Di-menangi oleh Boon Pang Theatre, Bandar Brunei.

Pertunjokkan Lukisan

Pertunjukkan Lukisan, terbuka kepada pelukis2 di-seluruh Negeri Brunei telah di-adakan di-Lapau, Bandar Brunei mulai pada hari Sabtu 21 haribulan September hingga ka-hari Thalatha 23 hari-bulan September.

Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Muda Hassan-al-Bolkiah telah membuka pertunjukkan itu dengan resmi-nya pada petang hari Sabtu 21 haribulan September, manakala hadiah2 kepada pemenang2 dalam Peraduan Lukisan tersebut telah di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara di-temasha Malam Anika Warna pada malam Hari Thalatha 24 haribulan September.

Keputusan Peraduan Lukisan itu ada-lah seperti berikut:-

TERBUKA: A. Pemandangan dalam Negeri Brunei:-

1. Menggunakan Pencil: (1) Mayalin bin Rendah, (2) Md. Yaman bin Besar, (3) Basiuni bin Ja'afar (semua-nya dari Bandar Brunei).

ii. Menggunakan Water Colour: (1) Adanan bin Haji Abu Bakar, (2) Adanan bin Haji Abu Bakar, (3) Md. Yaman bin Besar (semua-nya dari Bandar Brunei).

iii. Menggunakan Chat: (1) Hoh Chong Chee, Chung Hwa Middle School, Kuala Belait, (2) Hoh Chong Chee, Chung Hwa Middle School, Kuala Belait, (3) Basiuni bin Ja'afar, Bandar Brunei.

B. Orang Mashhor dalam Negeri Brunei:-

i. Menggunakan Pencil: (1) Md. Sulaiman bin Idris, B.S.P.Co. Ltd., Seria, (2) Adanan bin ^Haji Abu Bakar, Bandar Brunei, (3) Ahmad bin Abdullah - Seria.

ii. Menggunakan Water Colour: (1) Md. Sulaiman bin Idris, B.S.P.Co. Ltd., Seria (satu hadiah sahaja).

C. Lukisan Poster: (1) Ak. Thani bin Pengiran Ahmad, (2) Ak. Asmali bin Pengiran Ahmad, (3) Basiuni (semua-nya dari Bandar Brunei).

SEKOLAH2: A. Pemandangan dalam Negeri Brunei:-

i: Menggunakan Pencil: (1) Ak. Asmali bin Pengiran Ahmad, S.O.A.S.College, (2) Lim Teong Sin, Chung Hwa Middle School, Bandar Brunei, (3) Ak. Thani bin Pengiran Ahmad, S.O.A.S.College.

ii. Menggunakan Water Colour: (1) Ak. Asmali bin Pengiran Ahmad, S.O.A.S.College, (2) Shie Wen Ming, Chung Hwa Middle School, Brunei Town, (3) Yong Chong Kong, Chung Ching Middle School, Seria.

B. Orang Mashhor dalam Negeri Brunei:-

i. Menggunakan Pencil: (1) Lawrence Low, Trade School, Seria, (2) Lim Mok Long, Chung Ching Middle School, Seria, (3) Ak. Thani bin Pengiran Ahmad, S.O.A.S.College.

ii. Menggunakan Water Colour: (1) Ak. Asmali bin Pengiran Ahmad, S.O.A.S.College, (2) Lim Boon Shew, Chung Hwa Middle School, Kuala Belait.

C. Buah2an dan Bunga2an menggunakan kapor warna: (1) Wang Chau Kheng, Chung Hwa Middle School, Kuala Belait, (2) Liang Din Khan, Chung Hwa Middle School, Kuala Belait, (3) Tan Tong Chai, Chung Hwa Middle School, Kuala Belait.

Peraduan Pakaian Beragam Dan Tari Menari

Di-Brunei Sports Club

Peraduan2 Pakaian Beragam dan Tari Menari di-Brunei Sports Club yang telah di-langsungkan pada malam hari Sabtu 21 haribulan September telah mendapat sambutan yang baik daripada orang2 ramai lelaki dan perempuan dari berbagai bangsa.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Mem Yang Berhormat Tuan J.O. Gilbert, ia-itu Isteri kepada Yang Berhormat Tuan British Resident Brunei pada malam itu juga dan di-antara keputusan berbagai2 jenis peraduan yang di-langsungkan di-temasha itu ada-lah saperti berikut:-

Pakaian wanita yang terbaik sekali di-menangi oleh Mem Combe.

Pakaian lelaki....

Pakaian lelaki yang terbaik sekali di-menangi oleh Mr. Domingo.

Pakaian untok lelaki dan wanita yang terbaik sekali di-menangi oleh Inspector Carvalho dari Pasokan Police di-Bandar Brunei dan Isteri-nya.

Pakaian istemewa sekali antara wanita2 di-menangi oleh Mr Allen yang menjelmakan diri-nya sabagai sa-orang wanita. Pakaian lelaki yang istemewa sekali di-menangi oleh Penolong Resident, Brunei Mr.D.L.Bruen.

Hadiah Pertama untok Ticket Yang Bernasib Baik di-menangi oleh Che' Zain Ariff dari Jabatan Penerangan dan Hadiah Yang Kedua di-menangi oleh Mr. Yeo Ban Ann dari Limbang Trading Company, Bandar Brunei.

Temasha Sukan Laut telah di-langsungkan di-Sungai Brunei pada hari Ahad 22 haribulan September, 1957. Hadiah2 telah disampaikan oleh Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Bendahara dan keputusan-nya ada-lah saperti berikut:-

Perlumba'an No.1 (Perahu sa-orang)

<u>Nama Perahu</u>	<u>Tuan Punya</u>	<u>Kampong</u>
1. Puragam	Metusin bin Burut	Setia Pahlawa
2. Lada Sulah	Haji Md. Yusof	Tamoi
3. Terkukor	Metusin bin Burut	Setia Pahlawa

Perlumba'an No.2 (Perahu 2 orang)

1. Bulan Sahari	Tuan Imam	Lurong Sekuna
2. Lada Sulah	Haji Md. Yusof	Tamoi
3. Terkukor	Metusin bin Burut	Setia Pahlawa

Perlumba'an No.3 (Perahu 3 orang)

1. Si-Merah Padi	Ahmad bin Tasir	Saba
2. Teripas	Mohamed bin D.Sapar	Saba
3. Terkukor	Metusin bin Burut	Setia Pahlawa

Perlumba'an No.4 (Perahu 5 orang)

1. Lada Sulah	Haji Md. Yusof	Tamoi
2. Bulan Sahari	Omar	Lurong Sekuna
3. Duri	Pengiran Damit	Tamoi

Perlumba'an No.5 (Perahu 10 orang)

1. Laila Majnon	Pengarah H. Mokti	Saba
2. Kumala Hikmat	Mandor Ahmad	Ujong Tanjong
3. Naga Seri	Pengiran Damit	Tamoi.

Perlumba'an No.6 (Perahu 15 orang)

<u>Nama Perahu</u>	<u>Tuan Punya</u>	<u>Kampung</u>
1. Kumala Hikmat	Mandor Ahmad	Ujong Tanjong
2. Laila Majnon	P.H.Mokti	Saba
3. Surandid	Pengiran Damit	Tamoi

Perlumba'an No.7 (Perahu 20 orang)

1. Naga Seri	Pengiran Damit	Tamoi
2. Surandid	Pengiran Damit	Tamoi
3. Laila Majnon	P.Haji Mokti	Saba

Perlumba'an No.8 (Perahu Motor Sangkut

Tidak lebeh daripada 10 kuda).

1. Brungchoigan	Suhaili	Pengiran Tajuddin Hitam
2. Pencha Delima	Seruji	Burong Pingai
3. Suroi	Ak.Daud	Saba

Perlumba'an No.9 (Perahu Motor Sangkut

Tidak lebeh daripada 10 kuda).

1. Brungchoigan	Suhaili	Pgn. Tajuddin H.
2. Suroi	Ak.Daud	Saba
3. Pemanchongan	Ak.Mahmud	Pgn. Tajuddin H.

Perlumba'an No.10 (Perahu Motor Sangkut Tidak

lebeh daripada 25 kuda)

1. Panjutan Kilat	Suhaili	Pengiran Tajuddin Hitam
2. Suroi	Ak.Daud	Saba
3. Pemanchongan	Ak.Momin	Peng. Tajuddin H.

Perlumba'an No.11 (Tongkang 4 kuda)

1. Hujan Sahari	Haji Md.Yusof	Tamoi
2. Pertama	Tinggal bin Ahmad	Saba
3. Senang Hati	Haji Md. Yusof	Tamoi

Perlumba'an No.12 (Perahu2 Penangkap Ikan)

1. Hidup Berjasa	Timbang	Rangau
2. Suka Menchoba	Umar	Lurong Sekuna
3. Pulau Pubanan	Metassan	Saba

11. Membuang Besi Peluru terbuka (1) D.B.Simon dengan jauh-nya 32 kaki 1½ inchi, (2) John Mallip, Workshops, (3) Ong Wee Boon, Murid Tua Sekolah China.

12. Lari 1 Batu terbuka (untuk merebut Piala Rebutan Tahunan yang di-hadihkan oleh Panggong Wayang Boon Pang (1) Yussuf Hamid, Jabatan Municipal dengan masa-nya 5 minit 9.6 sa'at, (2) Mak Chin Soon, Murid Tua Sekolah China, (3) Ak.Osman, Post Office.

13. Menchari Duit Dalam Tepong terbuka kapada murid2 lelaki 4 kaki 6 inchi ka-bawah (1) Ahim, S.O.A.S.College, (2) Tuah Haji Saman Sekolah Melayu Sengkurong, (3) Ahmad Ja'afar, Sekolah Melayu Berakas.

14. Lompat Tinggi terbuka (1) Ak. Radin, Workshops dengan tinggi-nya 5 kaki 4 inchi, (2) Junaidi Hamdan, Belait, (3) Peter Poh, Harrisons.

15. Lomba Bicycle 1 Batu terbuka (untuk merebut Piala Rebut Tahunan yang di-hadihkan oleh Rudge Co. (1) Abdullah Mustafa, S.O.A.S.College dengan masa-nya 3 minit 40 sa'at, (2) Ibrahim bin Abdul Hamid, Workshops, (3) Zainuddin Marsal, S.O.A.S.College.

16. Membawa Telor Dalam Sudu terbuka kapada budak2 perempuan di-bawah 3 kaki 6 inchi (1) Kaidah Saban, Sekolah Melayu Sengkurong, (2) Ho Li Fui, Chung Hwa School, (3) Maimon Muhammad, Sekolah Melayu Berakas.

17. Menendang Belon terbuka kapada budak2 lelaki di-bawah 3 kaki 6 inchi (1)Junaidi Kaling, SMJA, (2) Ja'afar bin Haji Saman, Sekolah Melayu Sengkurong, (3) Ismail Bakar, Sekolah Melayu Berakas.

18. Lari 120 ela Lompat Pagar terbuka kapada murid2 lelaki 5 kaki ka-bawah (1) Kassim, S.O.A.S.College dengan masa-nya 18 sa'at, (2) Hassan, SMJA, (3) Samri Azamain, SMJA.

19. Lompat Jauh terbuka kapada murid2 lelaki 5 kaki ka-bawah (1) Goh Thian Peng, Chung Hwa School dengan jauh-nya 15 kaki 5 inchi, (2) Hassan, SMJA, (3) Goh Kin Huan, Chung Hwa School.

20. Membaling Discus terbuka (1) D.B.Simon dengan jauh-nya 93 kaki 11½ inchi, (2) John Mallip, Workshops, (3) Weston Keasberry, Medical.

21. Lomba Lari Dalam Guni terbuka kapada murid2 perempuan (1)Veronica Chihuh, St.George's School, (2) Habibah, Sekolah Melayu Berakas, (3) Yong Yin Yun, St. George's School.

22. Lari 220 ela terbuka kapada murid2 lelaki (untuk merebut Piala Rebutan Tahunan yang di-hadihkan oleh Mr. Ang Leng Chuan) (1) Kassim Daud, S.O.A.S.College dengan masa-nya 28 sa'at, (2) Samri Azamain, SMJA, (3) Abd. Rahman Ahmad, SMJA.

Keputusan Sukan Darat yang telah di-langsungkan di-Padang Besar Pekan Brunei pada hari Sabtu 21 haribulan September

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Isteri Yang Mulia Pengiran Kerma Indera Muhammad.

1. Lari 100 ela terbuka kepada murid2 lelaki 5 kaki ka-bawah: (1) Yong Yin Shak, St. George's School, Bandar Brunei dengan masa-nya 11.4 sa'at, (2) Kassim bin Daud, S.O.A.S.College, (3) Goh Kin Peng, Chung Hwa School, Bandar Brunei.
2. Lompat bergalah terbuka (untuk merebut Piala Rebutan Tahunan yang di-hadihkan oleh Mr. Yap Chong Teck) (1) James, dari Jabatan Telecoms, dengan tinggi-nya 10 kaki, (2) Peter Poh, dari Harrisons, (3) Hamid Yussuf, Workshops.
3. Membaling Lembing terbuka (untuk merebut Piala Rebutan Tahunan yang di-hadihkan oleh Chop Bee Seng) (1) Francis dari Belait dengan jauh-nya 146 kaki 6 inchi, (2) Weston Keasberry, Medical, (3) Wong Wing Kim, Chung Hwa School, Bandar Brunei.
4. Lari 100 ela terbuka (untuk merebut Piala Rebutan Tahunan yang di-hadihkan oleh Chun Yip) (1) Junaidi Hamdan, Belait dengan masa-nya 10.8 sa'at, (2) Jack George, Police, (3) A.M.Bichu, Belait.
5. Lari 100 ela terbuka kepada murid2 perempuan (untuk merebut Piala Rebutan Tahunan yang di-hadihkan oleh Mr. Tan Kok Tong) (1) Nafsiah, S.O.A.S.College, dengan masa-nya 13.8 sa'at, (2) Chin Mei Lee, Chung Hwa School, (3) Chin Ye Lan, Chung Hwa School.
6. Lari 440 ela terbuka (bagi merebut Piala Rebutan Tahunan yang di-hadihkan oleh SNOWMAN) (1) A.B.Jaya, Belait dengan masa-nya 55 sa'at (2) Abu Bakar, S.O.A.S.College, (3) Johnny Marcous, Medical.
7. Lari 60 ela terbuka kepada murid2 perempuan 4 kaki 6 inchi ka-bawah (1) Naemah, S.O.A.S.College, dengan masa-nya 8.4 sa'at, (2) Han Ye Lan, Chung Hwa School, (3) Liang Choon Mui, Chung Hwa School.
8. Lari Gendala terbuka kepada murid2 sekolah (1) Abu Bakar Rahman, S.O.A.S.College, dengan masa-nya 1 minit 45 sa'at, (2) Damit Said, Sekolah Melayu Berakas, (3) Song Tak Lung, Chung Hwa School.
9. Lari Gendala terbuka (1) Abu Bakar (2) Sharbini.
10. Lari ikat kaki terbuka kepada murid2 perempuan (1) Chin Mei Lee dan Wong Nui Kong, Chung Hwa School dengan masa mereka 10.8 sa'at, (2) Yong Shak Fah dan Fatimah King, St.George's School, (3) Nafsiah dan Mastura, S.O.A.S.College.
11. Membuang Besi Peluru ...

23. Lari 220 ela terbuka (untuk merebut Piala Rebutan Tahunan yang di-hadihkan oleh Messrs. Wein Choon Company) (1) Junaidi Hamdan, Belait dengan masa-nya 25 sa'at, (2) A.M.Bichu, Belait, (3) Jack George, Police.

24. Lari 880 ela terbuka (untuk merebut Piala Rebutan Tahunan yang di-hadihkan oleh Messrs. San Builders) (1) A.B.Jaya, Belait dengan masa-nya 2 minit 11.2 sa'at, (2) Yussof Hamid, Municipal, (3) Ak. Othman, Post Office.

25. Lomba Bicycle Berganti 2 4 x 440 ela terbuka (1) Ak. Omar, Murid Tua SOAS. dengan masa-nya 3 minit 11 sa'at, (2) Chin Yin Wah, S.O.A.S.College, (3) Pasokan Si-Tahir.

26. Tutop Mata terbuka kepada murid2 lelaki dan perempuan (1) Yong Yin Shak dan Yin Shak Fah, St. George's School, (2) Mastura dan Sharbini, S.O.A.S.College, (3) Ak. Sahmian dan Naimah, S.O.A.S. College.

27. Lomba Lari Berganti 2 4 x 110 ela terbuka kepada murid2 perempuan 5 kaki ka-bawah (1) Pasokan S.O.A.S.College dengan masa-nya 1 minit 2.6 sa'at, (2) Pasokan Chung Hwa School, (3) Pasokan St. George's School.

28. Lomba Lari Berganti 2 4 x 110 ela terbuka kepada murid2 lelaki 5 kaki ka-bawah (untuk merebut Piala Rebutan Tahunan yang di-hadihkan oleh Limbang Trading Company) (1) Pasokan SMJA. dengan masa-nya 54 sa'at, (2) Pasokan S.O.A.S.College, (3) Pasokan Chung Hwa School.

29. Lomba Lari Berganti 2 4 x 110 ela terbuka (untuk merebut Piala Rebutan Tahunan yang di-hadihkan oleh Sino-Malayan Engineers Ltd.,) (1) Pasokan S.O.A.S.College dengan masa-nya 49 sa'at, (2) Pasokan dari Belait, (3) B.M.T.A.

P. P. K. M.

Adalah di umumkan untuk pengetahuan orang ramai bahawa persekutuan yang didaftarkan dan dikenali sebagai "Pertubohan Pemandu Ka'inderaan Melayu" telah dibatalkan mulai daripada 6hb July, 1957.

PEGAWAI PERUBATAN YANG KANAN UNTUK BRUNEI

Dr S.N. MacLennan telah berhenti memegang jawatan sebagai Pegawai Perubatan yang kanan Negeri Brunei mulai daripada 19hb Sept., 1957 dan mulai daripada tarikh itu juga Dr M.A. Rozalla telah dilantik menggantikan jawatan tersebut.

KERAJA'AN MEMBENTU ORANG RAMAI UNTOK MEMBELI PETI RADIO SECHARA
BAYARAN BERANSOR

Keraja'an Brunei sedang mengadakan satu peratoran menyewa dan membeli terus peti2 radio jika orang2 ramai ingin mempunyainya, dengan sechara bayaran bulanan selama sa-tahun.

Ranchangan ini sedang berjalan kuat kuasa-nya sekarang dan akan di-teruskan hingga akhir tahun ini, ataupun hingga ka-satu waktu yang akan di-tetapkan nanti oleh pehak yang berkuasa.

J e n' i s 2 , . harga2 dan bayaran bulanan peti2 radio yang disebutkan ini menurut sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Keraja'an adalah saperti berikut:

(a) Peti Radio Siera: SA1057 U - menggunakan kuasa elektrik. Harga-nya \$60.00 dan bayaran bulanan sabanyak \$5.00 .

(b) Peti Radio Siera: SA 1057 B - menggunakan battery kering. Harga-nya \$60.00 dan bayaran bulanan \$5.00. Sa-biji battery kering akan di-beri perchuma pada tiap2 biji radio jenis ini.

(c) Peti Radio Mullard: MBS 124 B - Battery kering. Harga-nya \$48.00 dan bayaran^{bulanan} \$4.00. Sa-biji battery kering akan diberikan perchuma pada tiap2 biji radio jenis ini.

(d) Peti Radio Mullard: MUS 1122 - Menggunakan kuasa elektrik. Harga-nya \$55.00 dan bayaran bulanan \$4.58 sen.

Segala permohonan untok membeli radio2 yang terma'lum hendak-lah dialamatkan kapada Pegawai Penerangan Negeri, diBandar Brunei.

Orang2 yang suka membeli peti radio tersebut hanya akan mendapat layanan jika ia-nya sabenar-nya tidak ada mempunyai peti radio. Juga kerajaan hanya akan memberikan peluang ini sa-biji peti radio pada tiap2 sa-buah rumah, dan orang2 yang diberi peluang ini tidak-lah kapada orang2 yang di-agak mampu buat membeli-nya bersendirian dimana2 tempat juga.

*: *****:*****:

KELUARAN INI DI SATU KAN DENGAN KELUARAN 15HB SEPT.,

1 9 5 7